

Potensi Penyelidikan, Pembangunan dan Konservasi Hutan Paya Bakau UiTM Cawangan Sabah




Ajis Lepit, Ph.D
KPP FSG



Ansir Salim
Pensyarah Kanan

PENDAHULUAN

Tanpa disedari, bahawa UiTM Cawangan Sabah Kampus Kota Kinabalu mempunyai suatu kawasan Hutan Paya Bakau (HPB) yang terletak di pesisir Sungai Lokub menganjur hingga ke Sekolah Sukan KPM yang terletak bersebelahan kampus UiTM Sabah¹. Hutan paya bakau (HPB) diiktiraf sebagai sebuah ekosistem unik. Ia terletak di antara darat dan laut. HPB adalah salah satu persekitaran tanah basah yang paling produktif dengan kepelbagaian biodiversiti. Persidangan ke 38 UNESCO pada 6 November 2015 telah mengistiharkan 26 Julai setiap tahun sebagai Hari Pemuliharaan Ekosistem Hutan Bakau Sedunia (*International Day for the Conservation of the Mangrove Ecosystem*). Antara signifikan dan kepentingan hutan paya bakau adalah menyediakan biomas, simbiosis antara flora dan fauna, hasil hutan, kelestarian sumber perikanan, penyelidikan dan pelancongan. Sumber kepelbagaian flora dan fauna ini melindungi hakisan melampau kawasan pantai, kesan perubahan iklim melampau, penampakan ombak dan angin kencang. Selain itu, sifat dan peranan HPB memainkan peranan memerangkap dan menapis bahan-bahan dari laut dan darat serta hasil buangan sisa pepejal. Oleh yang demikian, pembangunan kelestarian kawasan HPB semakin penting kepada manusia secara tidak langsung.



Wakil Fakulti (Buletin)
Editor Perhubungan
Abdul Manap Mahmud
abdma399@uitm.edu.my

¹ Aktiviti tinjauan awal pertama ke tapak Hutan Paya Bakau UiTM Cawangan pada 25 hb Julai 2019 dan lawatan kedua pada 29hb Julai 2019 dan boleh dilihat dalam arkib digital YouTube Fakulti Sains Gunaan seperti link berikut

<https://www.youtube.com/watch?v=moDgOErvTfU>.

ISU

Pada hari ini HPB dikategorikan sebagai salah sebuah ekosistem yang terancam. Ia mula terdedah secara agresif kepada penebangan kawasan hutan, tebus guna tanah, pendudukan haram, dan pencemaran hasil buangan sisa pepejal. Isu yang sama juga sedang berlaku kepada HPB UiTM Cawangan Sabah ini. Sekiranya isu-isu berkenaan tidak ditangani dengan baik, ia akan mendatangkan isu-isu lain yang lebih besar.

CADANGAN I - PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN HPB

Justeru itu dicadangkan segera penyelidikan HPB UiTM Cawangan Sabah. Khususnya dalam bidang sains dan teknologi, ekopelancongan, akuakultur, pengajian polisi, kepentingan ekonomi dan penjaan perniagaan baharu. Usaha ini perlu bersifat kolektif dan perlu dilakukan secara sistematik. Untuk menjayakan inisiatif ini, adalah dicadangkan agar kerjasama pelbagai bidang ilmu dan penyelidikan multi-disiplin fakulti di UiTM dapat dilakukan.

CADANGAN PENYELIDIKAN HPB

Menjalankan aktiviti penyelidikan paya bakau

Melestarikan pendidikan Hutan Paya Bakau

Pembangunan Eko-pelancongan dan rekreasi HPB



CADANGAN II - KONSERVASI HPB

Usaha konservasi HPB adalah amat penting untuk menjaga kualiti air, memerangkap sedimen dan menyaring bahan pencemar sekitarnya. Usaha ini perlu dilakukan dengan segera. Kaedah-kaedah konservasi HPB yang ekonomik dan berkesan mungkin boleh dibangunkan oleh penyelidik UiTM Sabah.

CADANGAN III – PENUBUHAN PPK HPB UiTM SABAH

Untuk jangka panjang adalah dicadangkan agar sebuah Pusat Penyelidikan, Pembangunan dan Konservasi Hutan Paya Bakau (PPK HBR)UiTM Sabah dapat ditubuhkan. PPK HBR ini akan memberi sumbangan yang lebih besar dalam kerja-kerja penyelidikan dan pembangunan merentas pelbagai disiplin ilmu.

PENUTUP

Semoga isu dan cadangan yang dikemukakan ini dapat dikembangkan dan dibincangkan dalam platform-platform yang lain. Kami berharap ia akan dapat dilaksanakan dan mendatangkan manfaat yang banyak.

Scientific Scrawls

FIRST STEP IS THE HARDEST



**Julenah Ag Nuddin, PhD,
Senior Lecturer**

In the last issue, I have tried to describe the importance of writing and preparation to writing. I ended by mentioning the 'TRIGGER'.



A trigger for writing is when you finally are having that light bulb moments. You would have thought that the delightful rush of ideas occurring by chance or by stroke of luck. Well, you can control your trigger just like you can control your toilet urgings. Seriously, it is a heartfelt moment striking as a result from the deepest focus. By spending much time thinking about the writing, it will unleash a potential in you. However, unleashing such potential is not enough. In order to fully harness positive potential, you should understand and manage your capability and capacity by practice.

As they always say, practise makes perfect, and that is very true. If it applies to the sportsmen and women, that saying works on everyone. The more you do it, the better you will become. At first, the sentences may form in short lines but after some time, you will be pleasantly surprise that the words have complexity. So, be daring and bold. Challenge yourself!

By now, you should realise that writing is not just about talent but hard work too. Furthermore, writing requires meticulous planning. That was what happened to J.K. Rowling. She might have had 'Harry dropped from the sky' while waiting for her train as she has mentioned in her numerous interviews but developing the plot and building the characters would require detailed outlining.

Keep calm, don't *fret*. True, when it comes to hard work, it is the perfect extinguisher to a smouldering spirit. Or maybe, the spirit is willing, but the flesh is not. Then, how do we whip ourselves into such shape?

We always think that our creative bubble just pops out of nowhere. However, an idea is actually collective of knowledge and cumulative experience. The idea must be based on something that you have known through various means even as obscure as a hearsay or as concrete as an academic theory or law. Thus, depending on what it is or to whom that you are writing, the foundation that you lay for the material is important.

In the learning pyramid, the action of knowing is the outcome for the first tier. The most practical and effective activity for this outcome is reading. By reading, you are introduced to the subject matter subsequently, becoming more knowledgeable and attain good grasp on fundamentals. Eventually, providing confidence which boost mastery on the subject both in context and delivery.

Bukan senang mau jadi senang. The first step is always the hardest but once you have overcome it, you will be running in no time. Until then, see you in the next issue.

Bacalah, dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (Surah Al-Alaq 1-5).

e-Diskusi FSG UiTM Sabah

KESEDARAN KEMAHIRAN BERFIKIR

DALAM KALANGAN PELAJAR FSG UiTM SABAH



Abdul Manap Mahmud,
Pensyarah Kanan

PENDAHULUAN

Kemahiran berfikir² tidak harus dianggap isu pinggir dalam proses pendidikan. Kemahiran berfikir kadang-kadang menjadi isu utama dalam mengurus aktiviti seharian. Lebih-lebih lagi bagi seorang pelajar. Kemahiran berfikir amat penting dalam mengatur urusan akademik setiap hari seperti untuk tujuan memahami sesuatu konsep dan teori, menyelesaikan masalah kuantitatif, membina hipotesis, membuat analisis dan merumus kesimpulan.

TINJAUAN

Kumpulan e-Diskusi FSG UiTM Sabah telah membuat tinjauan tentang kesedaran kemahiran berfikir dalam kalangan siswa-siswi Program Diploma Sains dan Program Ijazah Sarjana Muda Sains (Biologi) FSG UiTM Sabah Semester Oktober – Januari 2020. Tinjauan ini telah dijalankan menggunakan aplikasi *google form*. Tempoh tinjauan ialah sepanjang 17-22 November 2020. Sebahagian respon siswa-siswi FSG ditunjukkan dalam Jadual 1.0 di bawah ini.

Jadual 1.0: Respon Kesedaran Kemahiran Berfikir dalam kalangan Siswa-siswi FSG Sem Okt – Jan 2020

Untuk menyelesaikan masalah
Mampu untuk mempertimpangkan keputusan, menyelesaikan masalah dan pemahaman yang lebih dalam.
Supaya dapat melakukan perkara secara tidak terburu-buru
Penting supaya dapat membeza perkara yang betul dengan yang salah dan dapat membuat keputusan yang betul melalui fikiran yang bernas.
Untuk membuat keputusan yang bijak dan tidak terpengaruh dengan emosi ataupun perkara sekeliling.
penting dalam proses meninggikan lagi keupayaan belajar

² <https://pnc.ump.edu.my/index.php/en/activity/articles/43-umum/153-berfikir-secara-kritis-dan-kreatif>

Supaya kita dapat memahami dan mendalami dengan terperinci setiap maklumat yang kita terima. Selain itu, sentiasa berfikir akan mengembangkan otak kita dan menguatkan daya fikiran dan membuatkan otak kita lambat untuk nyanyuk

Untuk meluaskan ilmu pengetahuan dan membuat keputusan yang rasional dalam sesuatu perkara

Untuk mengelakkan daripada tersalah membuat keputusan

Untuk membuat keputusan yang bijak dan rasional

Mewujudkan fikiran yang baik dan berkesan

Untuk menambah ilmu pengetahuan , mencipta dan meneroka idea baharu , membantu meningkatkan kualiti kehidupan.

Untuk mengetahui perkara yang baik atau buruk untuk kita.

Thinking can help ourselves to find an answer or solutions to solving a problems. Thinking also help us to make a good decisions for every situation that we face.

Memupuk dan mewujudkan pemikiran yang baik dan berkesan.

to survive in this cruel society

Memperkembangkan daya intelek

supaya kita dapat mencari solusi untuk sesuatu masalah

kepentingan berfikir dapat meningkatkan pemikiran secara kritis dan kreatif

Antara kepentingan berfikir ialah untuk mengembangkan daya intelek.

Mempunyai kemahiran berfikir yang kreatif dan kritis

Mengelakkan kesilapan berlaku

Untuk memudahkan pencarian solusi kepada sesuatu masalah dengan tersusun.

Dapat mengelakkan sebarang masalah dalam membuat sesuatu tindakan.

to solve problems and creating inventions

mengamalkan budaya berfikir secara kritis dan kreatif

Dapat menyelesaikan masalah

By thinking, it can make us to be more relevant in making a choices, we can identify which path is good or bad us.

Besides, thinking also can make us solve a problem creatively and efficient.

Agar dapat menyelesaikan sesuatu masalah

Untuk membuat keputusan yang rasional dan mencari solusi.

Berfikir dapat membantu menyelesaikan masalah, mengawal diri, memperbaiki diri, menghasilkan sesuatu idea, bertindak dengan bijak, dapat mempertimbangkan kebaikan dan keburukan sesuatu perkara, dan banyak lagi. Berfikir sangat penting bagi seorang individual tidak kira dalam peringkat usia.

Memupuk Dan mewujudkan kemahiran berfikir yang berkesan

Dapat berfikir secara kreatif dan kritis

Untuk menyelesaikan masalah, untuk mencari alternatif kepada sesuatu perkara dan untuk membolehkan kita untuk memilih pilihan yang terbaik.

Dapat memupuk dan mewujudkan pemikiran yang baik dan berkesan

Untuk memperkembangkan daya intelek

Kepentingan berfikir ialah dapat meningkatkan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif.

Meningkatkan pemikiran secara kreatif dan kritis.

Mewujudkan pemikiran yang baik dan berkesan

menjadikan seseorang yg penuh dengan sikap inkuiri dan ingin mengetahui segala benda.

Dapat mengembangkan idea

Bagi menyelesaikan masalah dan menjana idea-idea baharu.

Berfikir adalah penting untuk menilai sesuatu perkara. Selain itu, berfikir juga membolehkan kita mempertimbangkan sesuatu hal dengan lebih serius dan signifikan.

Dapat meningkatkan kemahiran secara kreatif untuk melahirkan individu yang lebih berfikir terbuka, berkeyakinan serta berani menyuarakan pendapat dan pandangan

Berfikir penting untuk mengenalpasti masalah, merangka penyelesaian masalah, analisis data dan penjanaaan idea baru.

Untuk memupuk dan mewujudkan pemikiran yang baik dan berkesan. Kemahiran berfikir membolehkan kita membuat kesimpulan yang lebih dipercayai, seterusnya membolehkan kita membuat keputusan dengan lebih baik kerana dengan kemahiran berfikir, kita akan mengkaji sesuatu aspek/perkara dengan lebih mendalam sebelum membuat apa-apa tindakan.

dapat membuat keputusan teliti dan tidak menyebabkan sebarang salah faham

Untuk membina ilmu dan kefahaman yang melibatkan aktiviti mental dalam otak manusia. Pada masa yang sama, dapat membuat tafsiran dan tindak balas berdasarkan pengalaman yang sedia ada dalam ingatan.

Untuk memupuk budaya befikiran secara kritis dan kreatif

Menggalakkan pemikiran yang baik dan berkesan

Menerapkan amalan pemerhatian, perancangan dan merespon dalam menyelesaikan persoalan.

Banyak kepentingan berfikir, salah satunya adalah untuk menghasilkan sesuatu yang produk atau jawapan yang luar biasa dan logik.

Berfikir amat penting dalam diri kita untuk memilih perkara yang baik dan buruk dalam perkara yang kita ingin lakukan. Sekiranya kita tidak berfikir terlebih dahulu, kita boleh sesat dalam menjalani kehidupan.

Mewujudkan pemikiran yang baik dan kreatif.

Untuk membuatkan pilihan yang betul

dapat menyelesaikan masalah dengan matang

Supaya kita dapat menyelesaikan sesuatu perkara dengan lebih mudah.

MENINGKATKAN PEMIKIRAN YANG KREATIF

Mewujudkan pemikiran kreatif

DAPAT BERTINDAK SECARA KRITIS DAN KREATIF DALAM PELBAGAI KEADAAN.

KESIMPULAN

Daripada respon yang diterima menunjukkan bahawa, siswa-siswi Program Diploma Sains dan Program Ijazah Sarjana Muda Sains (Biologi) FSG UiTM Sabah mempunyai kesedaran yang baik tentang kemahiran berfikir dan kepentingan kemahiran berfikir. Namun sejauh mana kemahiran berfikir itu mereka ketahui secara sistematik masih boleh ditingkatkan. Kaedah-kaedah baharu dalam kemahiran berfikir harus dikuasai dan diterokai. Ini boleh diperolehi melalui pembacaan literatur yang berkaitan termasuk bahan-bahan media digital.

PENUTUP

Adalah menjadi harapan agar kemahiran berfikir ini menjadi bahagian penting dalam pendidikan dan dibangunkan “merentas kurikulum”. Kerana keperluannya dan kegunaannya untuk berhadapan dengan perkembangan baharu.